

04/08/2002

Gema bangga PM beri perhatian

Hardi Effendy Yaacob

PENUBUHAN Gerakan Memelihara Khazanah Muzik Malaysia (Gema) membawa sinar baru terhadap pelaksanaan pelbagai usaha untuk memulihkan kembali industri muzik negara yang suram.

Ia secara tidak langsung membuktikan betapa penggiat muzik di negara ini masih lagi bersemangat untuk terus memulihara segala bentuk karya muzik tempatan.

Lebih membanggakan apabila penubuhan badan berkecuali itu turut mendapat perhatian beberapa pemimpin negara termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hinggakan beliau sanggup meluangkan sedikit masa bagi mengadakan pertemuan bersama Ahli Jawatankuasa (AJK) Gema di Jabatan Perdana Menteri, di Putrajaya, baru-baru ini.

Difahamkan, pertemuan itu adalah perbincangan dari hati ke hati yang memberikan ruang kepada karyawan muzik berkongsi masalah bersama Perdana Menteri berhubung pelbagai perkembangan semasa terutama gejala cetak rompak.

Bagi Seniman Rakyat, Tan Sri SM Salim yang juga Pengerusi Gema, pertemuan rasmi dengan Perdana Menteri adalah detik bersejarah buat setiap lapisan penggiat muzik di negara ini.

"Bukannya mudah untuk bertemu dengan PM. Malah, Gema sendiri mengambil masa yang agak lama untuk membuat temu janji ini. Kita pun faham, PM cukup sibuk. Itulah sebab kita amat menghargai kesudian beliau untuk menemui kita. Untuk itu saya amat berterima kasih kepada beliau atas keprihatinan terhadap nasib malang yang menimpa kita khususnya cetak rompak.

SM Salim turut ditemani beberapa rakan artis lain termasuk Siti Nurhaliza dan M Nasir, selain Ng Cheong Hock, Tan Su Loke dan Jusophian Harun dalam pertemuan khas berkenaan.

"Kehadiran Dr Mahathir sekurang-kurangnya membuktikan betapa kerajaan sentiasa bersama dengan kita. Ia sekali gus membuktikan sokongan penuh kerajaan terhadap usaha memulihkan kembali industri muzik negara termasuk menghapuskan lanun cetak rompak ke tahap maksimum.

"Ini samalah seperti mana yang kerajaan lakukan terhadap kegiatan haram lain seperti mesin judi atau mesin kuda sebelum ini. Kesan-kesan positifnya sudah pun kelihatan," kata S M Salim.

Gema yang juga badan bukan kerajaan (NGO) ditubuhkan pada 6 Oktober 2001, seterusnya dilancarkan oleh SM Salim di Dewan Tun Hussien Onn A - Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) pada 14 Mac 2002.

Ia turut dianggotai oleh AJK lain seperti Sheila Majid, Yusni Hamid, Pak Ngah, Darren Choy, Eja Ibrahim, Ali Bakar, Rosmin Hashim, Mokhtaza Ahmad, Jennifer Thompson, Arzmy Mohamad, Habsah Hassan, Amran Omar, Kudsia Kahar, Hussien Ali, Jason Foo, Chuari Selamat dan Nazrey Johani.

SM Salim sebagai 'orang lama' dalam industri muzik tanah air turut meminta semua penggiat muzik di negara ini bersatu, tidak kira di bawah Gema ataupun mana-mana badan, pertubuhan dan persatuan hiburan yang sedia ada.

"Kalau ada percakaran sesama kita, hentikanlah serta-merta. Bagi saya, ini semua tidak sepatutnya berlaku. Kita harus bersatu menentang musuh industri muzik kita terutama lanun cetak rompak. Apabila kita bertelagah, ia akan memberi ruang kepada lanun untuk terus bermaharajalela kerana mereka menganggap pertahanan kita lemah," katanya.